

Syed Razak MB baru Kedah

UM 1 0 DEC 1999

Oleh MOHD. KAMIL YUSUFF
dan SHOLINA OSMAN

ALOR SETAR 9 Dis. — Ahli Dewan Undangan Negeri kawasan Kubang Rotan, Syed Razak Syed Zain, 55, dilantik sebagai Menteri Besar Kedah yang baru menggantikan Tan Sri Sanusi Junid.

Beliau menyerahkan surat pelantikan tersebut yang diterimanya daripada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad kepada Sultan Kedah di Istana Anak Bukit, di sini pagi ini.

Bercakap kepada pemhcrita selepas menyerahkan surat pelan-

tikan, Syed Razak berkata, Sultan Kedah berkenan supaya majlis angkat sumpah Menteri Besar diadakan pada hari Sabtu, 11 Disember ini.

Majlis angkat sumpah barisan Exco kerajaan negeri pula diadakan pada 13 Disember.

Pelantikan itu menamatkan spekulasi sejak Sabtu lalu mengenai siapa bakal Menteri Besar Kedah yang baru ekoran pengu- muman Sanusi tidak mahu menerima tawaran sebagai Menteri Besar.

Beliau mengambil keputusan tersebut atas rasa tanggungjawab kerana kemerosotan prestasi Barisan Nasional (BN) negeri dalam

pilihan raya umum 29 November lalu.

Spekulasi tersebut bertambah hangat apabila Syed Razak dilihat memasuki pejabat Perdana Menteri di Putrajaya sebanyak dua kali untuk mengadakan perbincangan dengan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad pada hari Isnin dan Selasa lalu.

Selain Syed Razak, dua nama lagi sebelum ini turut disebut-sebut akan dilantik sebagai Menteri Besar iaitu Ahli Dewan Undangan Negeri kawasan Jitra, Datuk Prof. Osman Ishak dan Ahli Dewan Undangan Negeri kawasan Tanjung Seri, Fadzil Hanafi.

Syed Razak dilihat sebagai ca-

lon paling sesuai menggantikan Sanusi berdasarkan pengalamannya yang luas dalam pentadbiran kerajaan negeri.

Beliau yang telah menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri Kedah sejak 1986 merupakan Exco paling lama memegang jawatan itu sejak 1992, ketika Tan Sri Osman Aroff menjadi Menteri Besar.

Bekas Pengerusi Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Malaysia (DPPMM) cawangan Kedah ini dipilih sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri Pengkalang Kundur pada pilihan raya umum tahun 1986 dan berjaya mempertahankan kerusi tersebut

□ Lihat muka 4

UM 1 0 DEC 1999 Syed Razak MB baru Kedah

pada pilihan raya umum 1990.

Pada pilihan rays umum tahun 1995, beliau memenangi kerusi Dewan Undangan Negeri Kubang Rotan dan berjaya mengekalkan kerusi tersebut dalam pilihan raya umum pada 29 November lalu.

Dalam pilihan raya tersebut, beliau berjaya menewaskan calon Pas, Kassim Md. Isa dengan majoriti 1,985 undi. Syed Razak memperoleh 7,905 undi manakala Kassim mendapat 5,920 undi.

Jawatan terakhirnya dalam barisan Exco Sanusi ialah Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Mengenai barisan Exconya, Syed Razak yang membayangkan tidak banyak perubahan berlaku berkata, senarai nama

calon telah disiapkan dan akan dikemukakan kepada Perdana Menteri esok.

Pada pilihan raya umum lalu, empat orang Exco tewas. Mereka ialah Datuk Abdullah Hasnan Kamaruddin, Datuk Ghazali Ibrahim, Abdul Rahman Ariffin dan Ahmad Lebai Sudin.

"Kita juga sedang mengkaji kemungkinan pelantikan Exco untuk tempoh setahun ke setahun atau lima tahun bergantungan kepada persetujuan Perdana Menteri," ujarnya.

Semasa pentadbiran Sanusi bermula tahun 1996, Kedah menjadi negeri pertama mengamalkan sistem pelantikan Exco bagi tempoh setahun ke setahun.

Di bawah sistem tersebut, pelantikan

semula Exco adalah berdasarkan prestasi dan budi bicara Menteri Besar.

Syed Razak juga mengucapkan terima kasih kepada Dr. Mahathir kerana memberi kepercayaan kepadanya memimpin Kedah dan berjanji akan memberi perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat dan negeri ini.

Beliau berkata, tumpuan utamanya selepas ini ialah berusaha menjadikan negeri ini sebagai negeri industri di samping tidak mengabaikan sektor pertanian.

"Kita juga akan teruskan polisi yang ada di samping membaiki mana-mana yang perlu. Dalam masa yang sama kita akan tingkatkan perpaduan di kalangan ahli UMNO dan Barisan Nasional (BN)," ujarnya.